

03/11/1998

Ada kumpulan wujud pakatan sulit

Wan Sabariah Shikh Ali

KOMPLOT atau pakatan sulit? Persoalan ini yang dalam bahasa Inggerisnya, conspiracy atau collusion, menimbulkan perdebatan intelek yang menarik pada persidangan hari pertama, semalam.

Ia ditimbulkan dalam sesi soal jawab oleh peserta yang ingin tahu sama ada krisis ekonomi yang berlarutan sejak hampir 16 bulan, dicituskan oleh komplot pemain pasaran atau sikap tidak peduli negara kuasa besar Amerika Syarikat dan Jepun.

Teori wujudnya komplot dalam pasaran kewangan antarabangsa pernah dikemukakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, walaupun dikecam oleh masyarakat antarabangsa.

Profesor Ekonomi Arthur Lehman Universiti Columbia, Amerika Syarikat, Profesor Jagdish Bhagwati, menolak wujudnya komplot mana-mana pihak dalam mencetuskan serangan spekulasi bertubi-tubi.

Bagaimanapun, beliau bersetuju wujudnya hubungan di antara kumpulan berkepentingan iaitu pelabur yang mempunyai wang, firma kewangan di Wall Street dan Perbendaharaan Amerika Syarikat.

Hubungan ini yang dilabelkannya sebagai Treasury-Wall Street Complex adalah `semangat rangkai kerja' yang mendorong pergerakan modal secara tidak berhemah.

"Tetapi ini jauh sekali daripada apa yang dinamakan sebagai komplot," katanya.

Bagaimanapun, Pengarah Third World Network, Martin Khor, menegaskan, walau apapun label diberikan kepada kerjasama pihak berkenaan, ia tetap memberi kesan yang sama seperti suatu pakatan sulit.

Malahan menurutnya, pakatan sulit itu turut membabitkan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) manakala Penasihat Bank Negara, Datuk Nor Mohamed Yakcop berkata, satu lagi pihak dalam komplot Wall Street-Perbendaharaan Amerika-IMF itu ialah syarikat penarafan antarabangsa.

"Niat mereka ini terserlah apabila sebaik saja Malaysia mengumumkan hendak menjana dana di luar negara, mereka terus menurunkan penarafan kredit negara," katanya.

Dalam kertas kerjanya juga, Khor turut mendedahkan usaha negara Utara yang sedang giat dijalankan sekarang untuk menghalang negara daripada menggunakan langkah kawalan modal menerusi Perjanjian Pelbagai Hala Mengenai Pelaburan (MAI) dan pindaan terhadap perlembagaan IMF.

Menurutnya, dalam usaha memberi jalan dan mempertahankan kepentingan institusi kewangan antarabangsa, pemain pasaran dan spekulator, kerajaan negara industri giat menggalakkan semua negara membuka operasi kewangan luar mereka.

Dalam IMF, wujud tekanan kuat daripada Sekretariat yang didukung Amerika dan Negara G-7 untuk memperluaskan kuasa IMF yang turut meliputi kuasa mendisiplinkan negara membangun supaya meliberalisasikan aliran keluar masuk modal.

Dalam MAI yang kini dirundingkan pula, negara maju mahu ia turut menghalang negara daripada mengenakan peraturan terhadap kemasukan modal asing.

(END)